



Artikel
Khas

Artikel Khas

36

Prestasi dan Prospek Ekonomi

Penilaian Hasil Program Pembangunan PMKS oleh SME Corp. Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

SME Corp. Malaysia telah menjalankan penilaian hasil untuk menilai keberkesanan program perbelanjaan pembangunan (*development expenditure*, DE) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia di bawah RMKe-11 (2016 - 2020) dalam menyokong pembangunan PMKS di Malaysia dengan:


- menilai sama ada output dan hasil setiap program telah dicapai;
- menilai impak ekonomi program tersebut terhadap prestasi PMKS dari segi jualan, guna tenaga, eksport dan produktiviti; dan
- mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh PMKS dari aspek pembiayaan, kemahiran, akses pasaran, teknologi dan pendigitalan.

Kaji selidik dalam talian telah dijalankan dari 6 Mei 2021 sehingga 12 Julai 2021 terhadap PMKS yang telah menerima bantuan kewangan di bawah 10 program DE berikut dan telah melengkapkan penyertaan mereka:



Sebanyak 1,200 PMKS telah memberi maklum balas kepada kaji selidik ini dengan 83.1% (997) merupakan penerima manfaat dan 16.9% (203) adalah bukan penerima manfaat program pembangunan oleh SME Corp. Malaysia.

Carta 1: Profil Responden



GAMBARAN KESELURUHAN


Pandemik COVID-19 memberi kesan yang besar kepada perniagaan merentas semua sektor. Sebelum pandemik, jualan telah meningkat sebanyak 27.8%, namun selepas pandemik bermula, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 11.8% dengan perusahaan mikro paling teruk terjejas. Dari segi guna tenaga, pengambilan pekerja tempatan dan asing juga terjejas dengan ketara. Pertumbuhan guna tenaga menjadi lebih sederhana daripada 24.4% sebelum pandemik kepada 19.1% selepas pandemik. Perkara ini sebahagiannya disebabkan oleh PMKS yang beralih kepada perniagaan dalam talian, justeru perniagaan telah menstrukturkan semula proses kerja. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam pengambilan pekerja oleh firma bersaiz kecil selepas COVID-19, daripada 15.9% kepada 25.4% dengan peningkatan kepada kedua-dua bilangan pekerja tempatan dan asing. Sementara itu, pertumbuhan produktiviti didapati merosot sebanyak -6.1% selepas COVID-19, terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro dan firma bersaiz kecil, berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan barangan dan orang ramai serta penutupan penuh yang dilaksanakan. Melihat kepada kos operasi, terdapat sedikit penurunan dilaporkan selepas pandemik, daripada 11.8% kepada 10.8%, dengan kebanyakan firma telah mengurangkan kos mereka untuk mengatasi kekurangan aliran tunai.

PENEMUAN UTAMA MERENTAS PROGRAM SEBELUM DAN SELEPAS COVID-19

i. Prestasi Jualan


Berbeza dengan bukan penerima manfaat, responden yang merupakan penerima manfaat program pembangunan PMKS mengalami prestasi jualan yang lebih baik. Kedua-dua penerima dan bukan penerima manfaat melaporkan trend peningkatan dalam jualan sebelum pandemik, namun prestasi jualan telah merudum pada tahun 2020 dengan pelaksanaan PKP (rujuk Carta 2).

Carta 2: Prestasi Jualan antara Penerima Manfaat dan Bukan Penerima Manfaat



Memberi tumpuan kepada prestasi penerima manfaat, pertumbuhan jualan tiga angka sebanyak 125.8% dicatatkan oleh penerima manfaat HIP 2 sebelum COVID-19, khususnya dalam sektor perkhidmatan maklumat & komunikasi dan pengeluaran tanaman pertanian. Sementara itu, jualan penerima manfaat HIP 6 melonjak dengan ketara sebanyak 422.7% terutamanya dipacu oleh firma dalam sektor pembuatan perabot dan produk E&E. Selepas pandemik, pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 247.1% diperhatikan dalam kalangan penerima manfaat TUBE apabila mereka beransur-ansur beralih ke perniagaan dalam talian, dengan satu pertiga telah menjana lebih 40.0% jualan dalam talian daripada jumlah jualan, seperti melalui media sosial, laman web dan platform e-dagang. Begitu juga dengan penerima manfaat GEB yang mengalami pertumbuhan jualan yang tinggi terutamanya firma dalam industri pembuatan makanan & minuman, tekstil & pakaian, produk mineral bukan logam serta industri borong & runcit (rujuk Carta 3).


Carta 3: Pertumbuhan Jualan Sebelum dan Selepas COVID-19



ii. Prestasi Pasaran Pekerja

Membandingkan prestasi merentas semua program, penerima manfaat program pembangunan PMKS melaporkan peningkatan yang lebih tinggi dalam pengambilan pekerja mahir berbanding dengan bukan penerima manfaat, dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 44.0% bagi penerima manfaat dan 14.5% bagi bukan penerima manfaat. Sementara itu, pengambilan pekerja separuh mahir oleh penerima manfaat meningkat sebanyak 39.0% manakala bukan penerima manfaat hanya menggaji sebanyak 4.7%. Tujuh daripada sembilan penerima manfaat program mengalami pertumbuhan lebih daripada 20.0% dalam pengambilan pekerja mahir tempatan selepas menyertai program tersebut. Pada sisi negatifnya, HIP 5 dan BEEP mengalami peningkatan pertumbuhan melebihi 50.0% dalam pekerja mahir asing, terutamanya dalam mesin & peralatan kejuruteraan termasuk komponen sektor pembuatan, pembuatan F&B dan sektor borong & runcit (rujuk Carta 4).


Carta 4: Pertumbuhan Guna Tenaga Sebelum dan Selepas COVID-19



iii. Tahap Produktiviti

Memberi tumpuan kepada prestasi produktiviti, kebanyakan penerima manfaat mengalami kesan buruk selepas penularan pandemik. Penurunan produktiviti dapat diperhatikan dalam kalangan penerima manfaat HIP 2, HIP 3 dan HIP 6 yang mencatatkan produktiviti yang lebih rendah selepas COVID-19, seterusnya mencerminkan objektif program yang lebih memberi fokus kepada inovasi berbanding peningkatan produktiviti. Sementara itu, HIP 5 mencatatkan pertumbuhan produktiviti negatif akibat gangguan pengeluaran dalam rantaian bekalan global yang telah memberi kesan kepada sektor pembuatan. Secara positifnya, penerima manfaat program BAP, GEB dan TUBE melaporkan pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi selepas pandemik. Peningkatan produktiviti ini sebahagiannya disebabkan oleh transformasi digital dan penerapan automasi & mekanisasi oleh responden PMKS, yang tepat pada masanya dan merupakan strategi penting bagi perniagaan untuk terus kekal dan berkembang maju dalam ekonomi pascapandemik (rujuk Carta 5).


Carta 5: Pertumbuhan Produktiviti Sebelum dan Selepas COVID-19



ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PMKS


1. Aliran Tunai Tidak Mencukupi dan Kos Menjalankan Perniagaan yang Tinggi

Aliran tunai yang tidak mencukupi menjadi kebimbangan utama dalam kalangan PMKS, terutamanya disebabkan oleh harga bahan mentah & pembungkusan yang lebih tinggi, caj sewaan & utiliti yang lebih tinggi serta permintaan yang lebih rendah untuk barangan & perkhidmatan. Isu utama yang dihadapi oleh PMKS adalah seperti berikut:




2. Isu Pembayaran Lewat

Pembayaran lewat oleh penghutang kekal menjadi halangan besar bagi PMKS, dengan 39.0% daripada responden terutamanya dari sektor pembuatan dan pembinaan, melaporkan menghadapi isu pembayaran lewat. Komposisi penghutang yang lewat membayar adalah seperti berikut:



3. Isu Pekerja

Demi kelangsungan perniagaan, PMKS terpaksa mengambil langkah pengurangan kos, termasuk mengurangkan tenaga kerja mereka. Penilaian mendalam menunjukkan bahawa sejumlah 27.8% responden, terutamanya dari sektor perkhidmatan dan pembuatan telah memberhentikan pekerja berikutan pandemik di atas sebab-sebab berikut:



4. Kekurangan Penerapan ICT, Pendigitalan dan E-Dagang

Kewujudan PMKS secara dalam talian (*online presence*) telah meningkat dua kali ganda daripada 35.3% pada tahun 2019 kepada 75.8% pada tahun 2021, terutamanya dalam kalangan PMKS dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan (khususnya industri F&B). Penerapan e-dagang juga telah meningkat daripada 27.8% pada tahun 2019 kepada 37.9% pada tahun 2021, yang sebahagiannya telah menyumbang kepada intensiti jualan dalam talian yang lebih tinggi sepanjang tahun. Namun begitu, terdapat segelintir PMKS yang masih mempunyai penerapan teknologi yang rendah dan masih memilih untuk beroperasi melalui kedai fizikal sahaja, sebahagian besarnya disebabkan perkara berikut:

1. Jualan secara dalam talian tidak diperlukan dalam perniagaan (65.5% responden)

Terutamanya PMKS dalam industri F&B (pembuatan); perdagangan borong & runcit, membaiki kenderaan bermotor & motosikal dan lain-lain subsektor perkhidmatan; dan pertanian



2. Tidak biasa menjalankan perniagaan dalam talian dan platform e-dagang (17.2% responden)

Terutamanya PMKS dalam industri F&B (pembuatan) dan perdagangan borong & runcit



3. Kekurangan pekerja yang berkecukupan untuk membangun, menyelenggara dan mengurus sistem dalam talian (16.6% responden)

Terutamanya PMKS dalam industri F&B (pembuatan & perkhidmatan)



4. Lebih suka cara tradisional dalam menjalankan perniagaan (12.4% responden)

Terutamanya PMKS dalam industri F&B (pembuatan & perkhidmatan)



5. Isu Eksport

Majoriti 82.3% daripada jumlah responden tidak mengeksport produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara, terutamanya perusahaan mikro. Antara isu utama yang dihadapi dalam mengeksport (bagi bukan pengeksport dan pengeksport) adalah:

58.5%

Jangkaan menanggung kos operasi yang lebih tinggi

54.1%

Kekurangan maklumat mengenai permintaan global bagi barangan & perkhidmatan



63.9%

Kekurangan maklumat mengenai pasaran sasaran



58.0%

Kekurangan sumber pembiayaan untuk mengeksport



51.1%

Kekurangan maklumat mengenai pesaing & saluran pengedaran



5 FAEDAH UTAMA PROGRAM PEMBANGUNAN PMKS



MAKLUM BALAS BERKAITAN PROGRAM PEMBANGUNAN OLEH SME CORP. MALAYSIA

